

506a  
MAHATHIR

1975

788

KUALA LUMPUR, 18 OKT. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMUJI USAHA KERAJAAN SELANGOR MEMBUKA DUA BUAH LAGI ASRAMA YANG BARU, MENJADIKAN TIGA BUAH SEMUANYA TERMASUK ASRAMA DR. LATIFF YANG SEDIA ADA SEKARANG.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM KATA-KATA ALUANNYA DALAM BUKU CENDERAMATA PEMBUKAAN RESMI ASRAMA TUN DR. ISMAIL DAN ASRAMA TOH PUAN NORASHIKIN DI JALAN JARRET, DISINI YANG AKAN DILAKUKAN OLEH SULTAN SELANGOR AHAD INI.

KEDUA-DUA BUAH ASRAMA TERSEBUT BERTERANGA \$4 JUTA DAN TIAP-TIAP SEBUAH BOLEH MENAMPUNG 230 ORANG PELAJAR.

DR. MAHATHIR MENYERU PELAJAR-PELAJAR YANG TINGGAL DI ASRAMA-ASRAMA ITU SUPAYA MENYEDARI DAN MENGHARGAI USAHA KERAJAAN MENGADAKAN ASRAMA ITU.

DENGAN KESEDARAN INI, BELIAU PERCAYA PELAJAR-PELAJAR BUKAN SAHAJA AKAN MENUMPUNKAN MASA DAN TENAGA SEPENUHNYA TERHADAP PELAJARAN TETAPI AKAN JUGA MENJAGA KEADAAN ASRAMA ITU SUPAYA PELAJAR-PELAJAR YANG LAIN DAPAT MENGGUNAKANNYA DENGAN SEMPURNA KEMUDIAN HARI KELAK. -- BERSAMBUNG 1147/SZ

507a  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENYERU PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT SUPAYA SYUKUR DAN INSAF KERANA BERNASIB BAIK MENDAPAT TEMPAT DI ASRAMA-ASRAMA ITU.

KATANYA, PERASAAN KESYUKURAN DAN KEINSAFAN ITU KELAK AKAN MEMBENTUK PERIBADI YANG DISANJUNG TINGGI DAN MEMBINA MASYARAKAT YANG TERTIB DAN KUKUH SERTA MAJU.

DR. MAHATHIR BERHARAP KEDUA-DUA BUAH ASRAMA ITU AKAN MENGELUARKAN RAMAI INTELEK BUMIPUTRA YANG BERKELIBAR DAN BERDISIPLIN, BAKAL MEMARISI SEGALA KEKAYAAN DAN KUASA DI NEGARA INI PADA MASA AKAN DATANG NANTI. -- BERNAMA 1150/SZ